

PM: Singapura perlu tolak

UM - 5 MAY 2002

SHAH ALAM 4 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia bersetuju meneruskandundingan membincangkan isu-isu hubungan dua hala yang masih tertangguh dengan Singapura tetapi mengingatkan akan perlunya tolak ansur ke arah penyelesaiannya.

Tegas Perdana Menteri, agak sukar mencapai penyelesaian sesuatu isu itu, jika hanya Malaysia sahaja yang terpaksa memperse-tujui syarat pihak lain.

Dalam hubungan ini, beliau menarik perhatian mengenai perlunya Singapura mengiktiraf hak Malaysia sekiranya sesuatu isu itu akhirnya didapati berpihak kepada negara ini.

“Kita boleh selesai tetapi kena ada tolak ansurlah. Kalau nak selesai dengan mempersetujui syarat orang lain sahaja, susahlah nak selesai.

“Di mana kita berhak dan kita betul, (Singapura) kena terimalah dan kita akan runding perkara ini,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Hari Pekerja 2002 bertemakan “K-Pekerja Peneraju Menghadapi Cabaran Globalisasi” di Stadium Malawati di sini, hari ini.

Utusan Malaysia di muka depannya hari ini melaporkan kenyataan Psrdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong bahawa republik itu berhasrat menyelesaikan segera isu-isu hubungan dua hala membabitkan Malaysia yang masih tertangguh bagi membolehkan kedua-dua negara bekerjasama menangani masalah-masalah yang melanda rantau ini.

Kata Chok Tong, beliau telah menyenaraikan beberapa tarikh untuk mengadakan pertemuan dengan Malaysia dan kini menanti maklum balas darinada Kuala Lumpur.

Menurut Dr. Mahathir, ketika ini belum ada pertemuan peringkat tertinggi antara kedua-dua negara bagi menyelesaikan isu-isu yang tertangguh itu.

Bagaimanapun, pertemuan peringkat pegawai akan dibuat sebelum disusuli perjumpaan menteri dan kemudian Perdana Menteri kedua-dua negara.

Mengulas kenyataan Menteri Luar Singapura, S. Jayakumar semalam bahawa nota bantahan Malaysia berhubung penambakan laut di sempadan kedua-dua negara yang diterimanya pada 30 April lalu didapati tidak mempunyai fakta terperinci kesan keburukannya, Dr. Mahathir berkata:

“Jika tiada, Singapura wajar menyediakan fakta berkenaan.”

Tegas beliau, kerajaan juga mahu mengetahui kajian Singapura terhadap kesan alam sekitar penambakan laut yang menjangkau sempadan kedua-dua negara.

“Tentu dia buat, iagean sebelah sahaja sebaliknya kedua-dua belah.

“Kita dengar tidak ada asas (nota bantahan Malaysia), itu sahaja, tetapi macam mana boleh tolak kajian kita,” katanya.

Kenyataan Chok Tong selepas pertemuan beliau dengan pengarang 11 buah negara Asia di Singapura semalam menyebut bahawa beliau tidak menyukai pertikaian dan hubungan tegang dengan Malaysia.

“Namun sebagai jiran, anda perlu menjangka ada masa yang baik dan yang kurang baik.

“Hubungan antara jiran sama seperti putaran ekonomi, ia berlangsung seperti roda. Walaupun ia telah diselesaikan, tidak bermakna tidak ada masalah di sana,” menurut kenyataan Chok Tong yang dipetik oleh *Straits Times*.

ansur

'Singapura perlu

DARI MUKA 1

Singapura katanya, perlu bertolak ansur dengan menghentikan dulu kerja berkenaan, sementara menunggu kajian teknikal termasuk Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) disiapkan, yang dijangka mengambil masa hingga enam bulan.

Syed Hamid berkata, Malaysia tidak boleh memaksa Singapura menghentikan

kerja penambakan kerana seperti yang republik itu pertahankan ia adalah hak mereka kerana dilakukan dalam kawasan negara itu, tetapi sebagai negara berjiran, mereka perlu mengambil kira kebimbangan negara jiran yang akan mengalami kesan daripada Rerja itu.

"Jika Singapura meminta kita mengemukakan fakta lebih terperinci, kita akan mengemukakannya. Kajian tek-

nikal sedang dijalankan dan keputusannya akan diserahkan kepada mereka.

"Tetapi kita tidak mahu apabila kajian itu siap, ia sudah terlambat, kerana keadaan perairan sudah rosak teruk akibat kerja penambakan. Oleh itu perlu bagi Singapura menghentikan sementara kerja penambakan, sementara kita menyiapkan kajian teknikal," katanya.

Beliau berkata, jika Singa-

bertolak ansur'

pura meneruskan juga pendirian dan sikapnya dengan enggan menghentikan dulu operasi itu, ia pastinya akan menyukarkan lagi keadaan.

"Di sini, rasa saling faham memahami penting. Kita harap mereka akan bersikap terbuka, apa lagi kita adalah jiran dekat. Kita tidak boleh berterusan mempunyai pendapat yang bercanggah mengenai isu membabitkan kedua-dua negara sepanjang

masa," katanya sambil menambah kedua-dua negara perlu bergerak ke depan dalam hubungan bersama.

Ditanya mengenai isu-isu tertangguh dalam hubungan dua hala dengan Singapura, Syed Hamid berkata, pada mulanya hasil daripada perbincangan antara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew, Malaysia bersetuju

menggunakan pendekatan baru untuk menyelesaikan isu berkenaan.

Katanya, Kuan Yew menulis surat kepada Perdana Menteri dan Dr Mahathir juga sudah membalas surat berkenaan dan selepas itu Malaysia menyatakan kefahamannya terhadap apa yang perlu diselesaikan secara bersama dalam isu pa-kej antara kedua-dua negara.